

05 OCT 2002

Palestin

MALAYSIA KESAL TINDAKAN AS IKTIRAF BAITULMAQDIS IBU KOTA ISRAEL

PUTRAJAYA, 5 Okt (Bernama) -- Malaysia kesal dengan tindakan provokasi terbaru Amerika Syarikat (AS) yang membuat keputusan mengiktiraf Baitulmaqdis sebagai ibu kota Israel ketika Asia Barat diselubungi suasana tegang, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini.

Sambil menyifatkannya sebagai tindakan tidak bijak, beliau berkata AS seharusnya mengambilkira sensitiviti rakyat Palestin dan umat Islam secara keseluruhannya sebelum membuat keputusan seumpama itu.

"Dalam keadaan konflik Palestin-Israel belum lagi diselesaikan, dia (AS) bawa satu lagi (isu), seolah-olah (mereka) tidak mengendahkan langsung pandangan rakyat Palestin dan umat Islam," katanya ketika ditemui pemberita selepas pelancaran Larian Kemanusiaan Palestin di Dataran Putra, di sini.

Acara yang dianjurkan oleh antara lain Yayasan Belia Malaysia itu dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu, Syed Hamid berkata satu usul mengenai bantahan rakyat negara ini terhadap tindakan AS itu dijangka dibentangkan di Dewan Rakyat pada Isnin atau Selasa ini.

Beliau berkata walaupun usul berkenaan akan dibawa oleh sebuah parti pembangkang, kerajaan bersedia membahaskannya jika ia diluluskan oleh Dewan Rakyat untuk perbincangan.

"Dan kita akan memberi sokongan kepadanya. Tindakan (membantah keputusan AS) ini bukan tindakan berasaskan kepada parti. Ia adalah suara nurani rakyat Malaysia yang berasa tidak senang dengan tindakan yang telah diambil," katanya.

Syed Hamid berkata umat Islam secara keseluruhannya perlu bangkit dan mempunyai suara yang sama bagi membantah tindakan Washington mengenyepikan perasaan mereka.

Presiden George W. Bush dilaporkan menandatangani rang undang-undang berkaitan pengiktirafan itu Isnin lepas.

Bercakap kepada pemberita pada majlis yang sama, Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata walaupun AS cuba mengalihkan pandangan dunia kepada isu Iraq, masyarakat antarabangsa tidak harus lupa penindasan yang dilakukan rejim Tel Aviv terhadap penduduk Palestin.

-- BERNAMA

MAM ROS